

Agihkan peluang sama rata — PM

2 Mei 1994

(P)

Oleh YAHAYA AHMAD
dan AZIZAN HASHIM

LANGKAWI 28 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu peluang dan kekayaan di Langkawi diagihkan secara saksama kepada rakyat kerana wang yang banyak dibelanjakan di pulau itu adalah wang rakyat.

Perdana Menteri berkata, rakyat tidak pernah bertanya ke mana wang itu dibelanjakan dan untuk tujuan apa ketika cukai dipungut daripada mereka.

Wang itu nikmat daripada

da pembangunan di Langkawi ini patut dirasakan oleh semua pihak di negara ini, katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa merasmikan projek pembangunan Pelabuhan Langkasuka yang dianggar menelan belanja RM1,000 juta di Pantai Kuala Muda, Padang Matsirat di sini hari ini.

Projek pelancongan rakasasa itu yang melibatkan pembangunan kawasan seluas 1,000 hektar dimajukan bersama oleh Ekran Berhad, Crystal Harta Sdn. Bhd. dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Projek itu antara lain melibatkan pembinaan hotel, pusat perniagaan, marina dan kelab bot.

Selain daripada itu sebanyak 6,000 rumah akan dibina di atas air di samping kemudahan tambahan untuk bot dan pembesaran landasan kapal terbang antarabangsa Padang Matsirat serta pembinaan padang golf 18 lubang.

Perdana Menteri berkata, projek itu diilhamkan oleh beberapa faktor seperti cara hidup penduduk Labuan, Sabah yang tinggal di kampung air yang terkenal sebagai kawasan kotor

kerana laut dijadikan tempat pembuangan najis, mandi dan laluan.

“Kita berpendapat apa juga cara hidup boleh diperbaiki kerana sesuatu masyarakat tidak boleh maju kalau kekal dengan keadaan asal,” katanya.

Beliau berkata, projek itu juga diilhamkan dari hasil lawatan beliau ke satu projek pelancongan di Port Grimaud, selatan Perancis yang merupakan projek tebusguna tanah tepi laut yang terkenal.

Selain dari itu, katanya, kerana masalah kekurangan tanah di Langkawi, usa-

ha menebusguna tanah dilaksanakan dengan mengekalkan kawasan lautan supaya dapat dijadikan punca rekreasi.

Perdana Menteri yakin projek itu akan menarik pelabur asing yang mungkin mengambil kawasan-kawasan tertentu untuk projek pembangunan mereka.

Bagaimanapun beliau berharap projek itu tidak menjadi satu bandar besar, tetapi sebagai kawasan yang cantik dengan rumah berbentuk tempatan yang mencerminkan budaya dan kesenian Malaysia.